

02/06/2000

PMAPIUM sokong rombakan kurikulum

SARANAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya kurikulum subjek Pendidikan Islam dirombak semula mendapat sokongan Persatuan Mahasiswa Akademi Pengajian Islam Universiti Malaysia (PMAPIUM).

Malah PMAPIUM nampaknya sudah mengambil langkah proaktif dengan menjalankan kajian mengenai keberkesanan pelaksanaan Pendidikan Islam di negara ini.

Menurut presidennya, Mohamad Hilmie Mat Daud, kajian yang sedang dijalankan oleh pelajar Sarjana Muda Pendidikan Islam itu sudah bermula sejak sebulan lalu, dan dijangka berakhir sebulan lagi.

Katanya, persatuan itu akan mengemukakan cadangan bagi rombakan kurikulum Pendidikan Islam serta bersedia bekerjasama dengan pihak terbabit seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Kementerian Pendidikan untuk tujuan berkenaan.

"Sebagai pelajar yang mendalami bidang Pendidikan Islam dan terbabit secara langsung dalam pelaksanaannya, kami merasakan amat perlu membuat kajian menyeluruh terhadap kurikulum ini.

"Beberapa penelitian dan penilaian yang dibuat sebelum ini menunjukkan sistem ini perlu dirombak dan diberi nafas baru kerana tidak berupaya mencapai matlamat untuk melahirkan rakyat Malaysia yang bertakwa, berakhlak dan berperibadi mulia," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Menurut Mohamad Hilmie, antara aspek yang perlu diberikan penekanan adalah penghayatan pelajar terhadap sukatan yang diajar di sekolah kerana fenomena sekarang memperlihatkan amalan dan penghayatan terhadap nilai Islam yang diajar di sekolah amat mengecewakan.

Kelemahan ini, katanya, menimbulkan pelbagai gejala negatif di kalangan remaja seperti penagihan dadah, seks bebas, ponteng sekolah dan gengsterisme.

"Kajian terperinci perlu dibuat untuk mengenal pasti punca sebenar kelemahan ini sama ada berpunca daripada sukatan pendidikan yang kurang sempurna atau pelaksanaannya yang tidak mampu mencapai matlamat yang digariskan," katanya.

Selain itu, katanya, tahap ilmu yang diajar kepada pelajar juga patut dinilai kembali. Misalnya, murid diajar mengenal huruf al-Quran ketika berumur tujuh tahun ke atas. Malangnya ramai di kalangan mereka yang gagal menguasai al-Quran selepas tamat pengajian sekolah rendah.

Keadaan itu, menurutnya, bertentangan dengan saranan Rasulullah supaya kanak-kanak diajar mendirikan solat ketika berumur tujuh tahun dan dipukul sekiranya enggan menunaikan solat selepas berusia 12 tahun.

(END)